

# **Kursus Dan Latihan Jangka Pendek Dalam Memberikan Peluang Kerjaya Pelatih Di Pusat Giat Mara: Satu Kajian Kes**

*Oleh*

Yahya Buntat  
Zakaria Mohd. Yusof  
Samsuri Abdul rahman

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

## **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui kesesuaian kursus dan latihan jangka pendek di pusat Giat Mara di daerah Batu Pahat dalam mendapatkan peluang pekerjaan selepas tamat latihan kemahiran. Data-data kajian diperolehi secara analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa kursus dan latihan jangka pendek yang ditawarkan oleh Pusat Giat Mara adalah baik dan berkesan untuk pelatih-pelatih mendapatkan kemahiran dan seterusnya memperolehi pekerjaan selepas atamat latihan. Kursus-kursus yang ditawarkan di Pusat-Pusat Giat Mara daerah Batu Pahat telah berjaya menarik minat pelatih untuk mengikutinya. Golongan yang terlibat dalam latihan di Pusat Giat Mara adalah di kalangan mereka yang berumur diantara 15 hingga 17 tahun yang mempunyai taraf akademik di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja. Kajian juga mendapati bahawa para pelatih lepasan Pusat Giat Mara ini dapat memenuhi keperluan majikan.

## **Pengenalan**

Kemajuan sesebuah Negara banhay bergantung kepada sumber tenaga manusia yang dimilikinya. Oleh itu kerajaan berusaha meningkatkan kualiti sumber tenaga manusia supaya mereka dapat merialisasikan wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara perindustrian yang maju.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad (10 Mei, 1996) Berita Harian) menyatakan dalam Rancangan Malaysia ketujuh (RM 7) memperlihatkan penekanan kerajaan dalam aspek pembangunan sumber manusia dan telah memperuntukkan lebih kurang RM 1.7 juta untuk latihan kemahiran. Sehubungan itu, masalah kekurangan tenaga kerja mahir dan separuh mahir terutama dalam sector pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan menjadi focus utama dalam agenda pembangunan Negara.

MARA adalah sebuah sebuah agensi kerajaan di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Usahawan, di mana kementerian ini mula ditubuhkan pada tahun 1995

turut memainkan peranan bagi mendukung wawasan Negara. Giat Mara ditubuhkan bagi menggalakkan penyertaan masyarakat bumiputera untuk mempelajari pelbagai disiplin ilmu kemahiran ketukangan khususnya yang berkait rapat dengan aspek perdagangan dan perindustrian dalam jangka pendek iaitu kursus pengajian yang kurang daripada 20 jam kredit dalam tempoh kurang daripada 16 minggu dan membawa kepada penganugerahan sijik kehadiran sahaja.

Giat Mara juga turut membantu para pelajar tercicir dibangku sekolah (drop outs) yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Mereka digalakkan menyertai menyertai program ini supaya dengan kemahiran yang ada dapatlah mereka melakukan sesuatu untuk kemakmuran Negara.

Menurut Pengurus Giat Mara Batu Pahat Mej (B) Hj. Mohd Jinal Selamat (2004) menyatakan bahawa bagi pelajar-pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang gagal melanjutkan pelajaran ke IPTA atau IPTS, bidang kemahiran adalah yang paling sesuai dan perlu diikuti. Pelajar-pelajar sekolah boleh dikategorikan kepada 3 peringkat iaitu pelajar yang baik, sederhana, dan lemah akademiknya. Selalunya pelajar yang baik dalam SPM akan dapat menyambung pelajaran di Matrikulasi atau mengambil STPM dan seterusnya ke IPTA atau IPTS, dan akan bekerja pada usia 23 tahun ke atas. Manakala bagi pelajar dalam golongan sederhana pula akan dapat menyambung pelajaran ke Politeknik, atau institusi pengajian swasta dan akhirnya akan dapat pekerjaan. Bagi golongan yang lemah akademiknya atau yang mendapat keputusan F atau G dalam SPM, maka golongan ini akan dapat menyambung pelajaran dalam bentuk kemahiran sama ada ke IKBN (Institut Latihan Perindustrian) dan Giat Mara.

Pusat Giat Mara yang pertama telah ditubuhkan pada 1 Jan 1986 di Jitra, Kedah. Sehingga Mac. 1997 pihak MARA telah menubuhkan sebanyak 120 buah pusat Giat Mara dan mempunyai kira-kira 8,000 pelatih di seluruh Negara (7 Mac. 1997 Berita Harian) dan sehingga kini telah meningkat kepada 152 buah pusat Giat Mara. Pusat Giat Mara mampu mengeluarkan kira-kira 10,000 tenaga mahir dan separuh mahir setiap tahun tetapi masih tidak dapat menampung keperluan pasaran (21 Julai. 95 Utusan Malaysia).

Kemasukan ke Pusat Giat Mara tidak mementingkan kelulusan akademik. Pelajar hanya perlu sekurang-kurangnya boleh menulis, membaca dan mengira. Pusat Giat Mara mempunyai beberapa sasaran iaitu mereka yang belum pernah mendapat latihan kemahiran bagi tujuan mendapat kerja dan berusaha sendiri, mereka yang hilang pekerjaan dan terpaksa mencari pekerjaan baru, mereka yang ingin menambahkan pengetahuan kemahiran kerjaya, mereka yang sedang bekerja dan memerlukan peningkatan tahap kemahiran dalam jurusan yang diberi.

Pusat Giat Mara juga digunakan untuk menggembeling tenaga dalam usaha melibatkan belia atau rakan muda supaya mereka giat menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman terutama di luar Bandar agar dapat mengurangkan penghijrahan para belia luar Bandar ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan.

## Objektif Kajian

Antara objektif kajian ialah:

1. Mengenal pasti jenis-jenis kursus kemahiran jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara di daerah Batu Pahat.
2. Mengenal pasti golongan yang terlibat dalam kursus jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara (dari segi umur, jantina dan kelayakan akademik).
3. Mengenal pasti prospek kerjaya pelatih lepasan Pusat Giat Mara di Daerah Batu Pahat.
4. Mengenal pasti kesesuaian latihan yang didedahkan terhadap kehendak majikan.

## Kaedah Kajian

Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif secara analisis dokumen dan temubual.. Ia dijalankan di tiga buah pusat Giat Mara iaitu, Pusat Giat Mara Batu Pahat, Pusat Giat Mara Sri Gading dan Pusat Giat Mara Parit Sulong.

## Keputusan Kajian

### Jenis kursus kemahiran jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara di daerah Batu Pahat.

- a) Jenis kursus kemahiran jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara Batu Pahat.

Jadual 1 menunjukkan taburan kursus yang dijalankan di Pusat Giat Mara Batu Pahat. Hanya 3 jenis kursus sahaja yang dijalankan di Pusat Giat Mara Batu Pahat ini. Antara kursus tersebut ialah kursus Penyejukbekuan dan Penyaman Udara, Kursus Pendawaian elektrik domestic dan kursus Pembantu juruteknik Sistem Komputer.

### Jadual 1: Jenis kursus kemahiran jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara Batu Pahat.

Bil	Jenis Kursus
1	Penyejukbekuan dan Penyaman Udara
2	Pendawaian elektirk domestik
3	Pembantu juruteknik Sistem Komputer

- b) Jenis kursus kemahiran jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara Parit Sulong

Jadual 2, menunjukkan taburan kursus yang dijalankan di Pusat Giat Mara Parit Sulong. Antara kursus yang dijalankan di Pusat Giat Mara tersebut ialah seperti Membaiki Motosikal, Teknologi automotif Kenderaan Komersial, Juruteknik Elektrik Industri dan juruteknik system Komputer.

**Jadual 2: Jenis kursus kemahiran jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara Parit Sulong.**

Bil	Jenis Kursus
1	Membaiki Motosikal
2	Teknologi Automotif Kenderaan Komersial
3	Juruteknik Elektronik Industri
4	Juruteknik Sistem Komputer

c) Jenis kursus kemahiran jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara Sri Gading

Jadual 3, menunjukkan taburan kursus yang dijalankan di Pusat Giat Mara Sri Gading. Antara kursus yang dijalankan adalah seperti kursus Teknologi Fabrik 1 dan kursus Membaiki Motosikal 1.

**Jadual 3: Jenis kursus kemahiran jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara Sri Gading**

Bil	Jenis Kursus
1	Kursus Teknologi Fabrik
2	Kursus membaiki Motosikal

**Golongan yang terlibat dalam kursus jangka pendek yang ditawarkan di Pusat Giat Mara Daerah Batu Pahat (dari segi umur, jantina dan kelulusan akademik).**

**a) Taburan Pelatih Mengikut Kelulusan Akademik Dari Tahun 1995 Hingga 2004**

Jadual 4, menunjukkan taburan keseluruhan pelatih mengikut kelulusan akademik di Pusat-Pusat Giat Mara Daerah Batu Pahat dari Tahun 1995 hingga Tahun 2004. Daripada jumlah keseluruhan didapati seramai 955(57.8%) orang pelatih yang mengikuti kursus di Pusat Giat Mara Daerah Batu Pahat adalah mereka yang berkelulusan peringkat PMR dan selebihnya iaitu seramai 697 (42.4%) orang pelatih adalah dikalangan mereka yang berkelulusan SPM.

**Jadual 4: Taburan Pelatih Mengikut Kelulusan Akademik Dari Tahun 1995 Hingga 2004**

Kelulusan Akademik	Bilangan	Peratus
PMR	181	52.3
SPM	165	47.7
Jumlah	346	100

**b) Taburan Pelatih Mengikut Peringkat Umur Dari Tahun 1995 Hingga 2004**

Jadual 4. menunjukkan taburan pelatih mengikut peringkat umur di Pusat-Pusat Giat Mara Daerah Batu Pahat dari Tahun 1995 hingga Tahun 2004. Daripada jumlah keseluruhan seramai 940 (56.9%) orang pelatih yang mengikuti kursus di Pusat Giat Mara Daerah Batu Pahat adalah dikalangan mereka yang berumur antara 15 tahun. Hingga 16 tahun Manakala pelatih yang berumur 17 tahun adalah seramai 712 (42.7%) orang.

**Jadual 5: Taburan Pelatih Mengikut Peringkat Umur Dari Tahun 1995 Hingga 2004**

Peringkat Umur	Bilangan	Peratus
15 Tahun – 16 Tahun	940	56.9
17 Tahun ke atas	712	43.1
	1652	100

**c) Taburan Pelatih Mengikut Jantina Dari Tahun 1995 Hingga 2004**

Jadual 4. menunjukkan taburan pelatih mengikut jantina di Pusat-Pusat Giat Mara Daerah Batu Pahat dari Tahun 1995 hingga Tahun 2004. Daripada jumlah keseluruhan seramai 1022(61.9%) orang pelatih yang mengikuti kursus di Pusat Giat Mara Daerah Batu Pahat adalah terdiri dikalangan kaum lelaki, dan pelatih perempuan yang mengikuti kursus di Pusat Giat Mara di Daerah Batu Pahat adalah seramai 630 (38.1%) orang pelatih.

**Jadual 6: Taburan Pelatih Mengikut Jantina Dari Tahun 1995 Hingga 2004**

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	1022	61.9
Perempuan	630	38.1
Jumlah	1652	100

### **Prospek kerjaya pelatih lepasan Pusat Giat Mara di Daerah Batu Pahat.**

Secara keseluruhannya para pelatih Pusat Giat Mara telah berjaya memperolehi pekerjaan yakni bekerja makan gaji dalam pelbagai sector pekerjaan. Ada juga sesetengah pelatih lepasan Pusat Giat Mara telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi untuk menambahkan lagi kemahiran mereka. Ada juga pelatih lepasan Pusat Giat Mara dapat membuka syarikat pemiagaan sendiri iaitu syarikat yang berdaftar. Dengan latihan yang diikuti, didapati para pelatih juga berkecenderungan untuk bekerja sendiri dimana setiap Pusat Giat Mara di Daerah Batu Pahat, data yang diperolehi menunjukkan kebanyakan pelatihnya membuka pemiagaan sendiri. Para pelatih disini lebih berkeyakinan untuk berdikari dengan membuka pemiagaan sendiri dengan lain kata bekerja sendiri dengan menggunakan kemahiran yang ada pada mereka ketika berada di Pusat Giat Mara.

### **Kesesuaian latihan yang didedahkan terhadap kehendak majikan.**

Para palatih lepasan Pusat Giat Mara secara keseluruhannya mempunyai bidang kerjaya masing-masing. Ini menunjukkan aspek latihan yang diikuti oleh mereka dapat memenuhi kehendak pekerjaan dimana para pelatih telah berjaya memperolehi pekerjaan makan gaji dalam pelbagai sektor.

### **Rumusan**

Kesimpulannya, latihan-latihan kemahiran yang diperolehi oleh para belia kita dinegara ini, seharusnya bukan sahaja dapat memenuhi keperluan sumber tenaga manusia Negara, perkara-perkara yang berkaitan dengan peribadi belia itu sendiri iaitu dari segi keperluan atau kehendak juga perlu diambil kira. Ini adalah supaya para belia yang menyumbangkan tenaga kepada Negara dapat menyeimbangkan emosinya supaya dapat melakukan pekerjaan yang dilakukan dengan penuh rasa minat, bersungguhsungguh dan

bertanggungjawab.

## **Rujukan**

Peter Shephard (1989). Panduan Perancangan Hidup Dan Kerjaya. Selangor: Fong and Sons Printers Pte. Ltd.

Kandan Saikon (2001). Latihan Kemahiran Bukan Pilihan Kedua. Berita Harian, 23 April 2001.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1991). Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan. Kuala Lumpur: Unit Perancangan Ekonomi Negara. Jabatan Perdana Menteri.

Muhd Yahya Mohammad Ariffin dan Muhammad Haizun Rozali (2001). Akademik, Kerjaya dan Anda. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors.

Muhammad Fadli Fuad (1993). Prospektus Pusat Giat Mara (Kemahiran Wawasan Negara. Kuala Lumpur: Mara.

Zakaria Abd. Rashid, T. Subahan Mohd., Meerah (1990). Aspirasi Kerjaya di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian. Universiti Pertanian Malaysia.